

UEM Edgenta, UiTM bekerjasama sedia penyelesaian bagi penjagaan kesihatan digital

Dagang News

Disember 10, 2021 09:45 MYT



Edgenta Healthtronics memeterai MoU dengan UiTM untuk meneroka potensi kerjasama dan peluang dalam ruang penjagaan kesihatan digital. -Gambar hiasan

KUALA LUMPUR: UEM Edgenta Bhd melalui anak syarikat milik penuh tidak langsungnya, Edgenta Healthtronics Sdn Bhd pada Khamis memeterai memorandum persefahaman (MoU) dengan Universiti Teknologi Mara (UiTM) untuk meneroka potensi kerjasama dan peluang dalam ruang penjagaan kesihatan digital.

Dalam makluman di Bursa Malaysia, UEM Edgenta berkata, kerjasama itu akan menyediakan kedua-dua pihak peluang untuk mempromosi dan menggalakkan pertukaran inovasi dalam penjagaan kesihatan digital berdasarkan kepada kekuatan masing-masing dalam industri tersebut.

Katanya, MoU itu terutamanya membabitkan kerjasama dengan pusat pendidikan perubatan merangkumi pusat pakar swasta dan Pusat Pakar Perubatan UiTM di 3 kampusnya iaitu Sungai Buloh, Selayang dan Puncak Alam.

"Sehubungan itu, kerjasama ini membolehkan kedua-dua pihak meningkatkan hubungan mereka dan bekerjasama ke arah membangunkan penyelesaian penjagaan kesihatan digital di Malaysia.

"Kerjasama ini membabitkan antaranya, mempromosi dan menggalakkan pertukaran inovasi antara kedua-dua pihak, berusaha meningkatkan kecekapan operasi dan meningkatkan hasil klinikal, serta pertukaran maklumat yang relevan berkaitan pembangunan peralatan, teknologi dan latihan," katanya hari ini.

Menurutnya, kerjasama tersebut tidak memberi sebarang kesan kepada pendapatan, aset bersih dan geran kumpulan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2021.

Selain itu, ia juga tidak menjejaskan modal saham berbayar dan pemegangan saham utama kumpulan.

"MoU ini akan berkuat kuasa pada tarikh pelaksanaannya dan seterusnya untuk tempoh setahun.

"Selepas itu, ia boleh dilanjutkan untuk tempoh selanjutnya yang akan diputuskan bersama dan dipersetujui oleh kedua-dua pihak," tambahnya.

**Berita asal di DagangNews.com*